



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 67  
No. 14

**10hb Julai 2014**

*TAMBAHAN No. 8  
PERUNDANGAN*

---

---

## **Phg. P.U. 9.**

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (PAHANG) (PINDAAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*], Pihak Berkuasa Negeri membuat undang-undang kecil yang berikut:

### **Nama dan pemakaian**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Bangunan (Pahang) (Pindaan) 2014**.

(2) Undang-undang kecil ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2014.

### **Pindaan undang-undang kecil 2**

2. Undang-undang kecil 2 Undang-Undang Kecil Bangunan (Pahang) 1996 [*Phg. P.U. 4/1996*], yang disebut “Undang-Undang Kecil ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini dipinda dengan memasukkan selepas takrifan “siling” takrifan yang berikut:

‘ “SPAH” ertinya Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan di mana air hujan dikumpul dari bumbung disalurkan ke tangki air hujan dan disimpan untuk digunakan;’.

**Pindaan undang-undang kecil 10**

3. Perenggan (1)(a) undang-undang kecil 10 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan (ix) dengan koma bertitik; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subperenggan (ix) subperenggan yang berikut:

“(x) lokasi tangki air hujan;

- (xi) elemen SPAH seperti sistem perpaipan, tangki air hujan, pam air dan peralatan lain berkaitan (yang diperlukan untuk memasang SPAH) mestilah dalam pelan bagi jenis bangunan berikut:

(A) berhubung dengan bangunan kediaman, SPAH perlu dipasang hanya untuk rumah banglo dan rumah berkembar yang mempunyai bumbung bersamaan dengan atau melebihi 100 m<sup>2</sup> sahaja; dan

(B) semua bangunan berasingan dengan bumbung bersamaan dengan atau melebihi 100 m<sup>2</sup>.”.

**Pindaan undang-undang kecil 25**

4. Perenggan (1)(c) undang-undang kecil 25 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dan elektrik” dengan perkataan “, elektrik dan komunikasi”.

**Pindaan undang-undang kecil 27**

5. Perenggan 1 undang-undang kecil 27 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dan elektrik” dengan perkataan “, elektrik dan komunikasi”.

**Pindaan undang-undang kecil 115**

6. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 115 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Penutup bumbung dan aliran.

115. (1) Semua bumbung bangunan hendaklah dibina supaya mempunyai saluran, talang, pelongsor atau palung dan SPAH (bagi bangunan yang dikehendaki memasang SPAH) mencukupi yang hendaklah disediakan mengikut kehendak Undang-Undang Kecil ini bagi menerima dan menyalurkan semua air yang jatuh di atas dan dari bumbung itu.

(2) Bagi bangunan yang dikehendaki memasang SPAH, reka bentuk dan pembinaan SPAH hendaklah mengikuti keperluan yang berikut:

- (a) air hujan tidak boleh mengalir ke tangki air awam;
- (b) air dari tangki air awam boleh mengalir ke tangki air hujan dengan syarat ia dilengkapi dengan suatu injap sehalu tidak berbalik atau paip salur lepasan terletak sekurang-kurangnya pada 255mm di bawah paip masuk air ke tangki air hujan;
- (c) alur keluar/tangki air hujan SPAH hendaklah ditanda “**Bukan untuk Minuman atau Mandian**” dengan jelas;
- (d) palong yang digunakan hendaklah mempunyai kecerunan yang secukupnya untuk menghalang air bertakung; dan
- (e) paip air hujan hendaklah berwarna hijau.”.

Bertarikh 12 Jun 2014  
[PUN.Phg.D/100/28/7]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA BIN  
SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

#### STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974

#### BUILDING (PAHANG) (AMENDMENT) BY-LAWS 2014

IN exercise of the powers conferred by section 133 of the Street, Drainage and Building Act 1974 [*Act 133*], the State Authority makes the following by-laws:

#### **Citation and application**

1. (1) These by-laws may be cited as the **Building (Pahang) (Amendment) By-Laws 2014**.

(2) These By-Laws are deemed to have come into operation on 1 May 2014.

**Amendment of by-law 2**

2. By-laws 2 of the Building (Pahang) By-Laws 1996 [*Phg. P.U. 4/1996*], which are referred to as the “principal By-Laws” in these By-Laws, is amended by inserting after the definition of “smoke” the following definition:

‘ “SPAH” means a Rainwater Harvesting and Utilisation System where rainwater is collected from a roof, conveyed to a rainwater tank and stored for use;’.

**Amendment by-law 10**

3. Paragraph (1)(a) of By-Law 10 of the principal By-Laws is amended—

(a) by substituting for the full stop at the end of subparagraph (ix) a semi colon; and

(b) by inserting after subparagraph (ix) the following subparagraphs:

“(x) the location of the rainwater tank;

(xi) the SPAH elements such as piping system, rainwater tank, water pump and other related equipment (as required to install the SPAH) must be clearly shown on the plan for the following category of buildings:

(A) in respect of residential buildings, SPAH is required to be installed only for bungalows and semi-detached houses with a roof area equivalent to or more than 100m<sup>2</sup>; and

(B) all detached buildings with a roof area equivalent to or more than 100m<sup>2</sup>.”.

**Amendment of by-law 25**

4. Paragraph (1)(c) of by-law 25 of the principal By-Law is amended by substituting for the words “and electricity” the words “, electricity and communication”.

**Amendment of by-law 27**

5. Paragraph (1) of by-law 27 of the principal By-Law is amended by substituting for the words “and electricity” the words “, electricity and communication”.

**Amendment of by-law 115**

6. By-law 115 of the principal By-Law is amended by substituting for by-law 115 the following by-law:

“Roof coverings  
and drainage.

115. (1) All roofs of building shall be so constructed as to sufficient channels, gutters, chutes or troughs and SPAH (for buildings required to install the SPAH) which shall be provided in accordance with the requirements of these By-Laws for receiving and conveying all water which may fall on and from the roof.

(2) For buildings required to install the SPAH, the design and construction of the SPAH shall conform to the following requirements:

- (a) rainwater must not flow into the public water tank;
- (b) water from the public water tank can flow into the rainwater tank subjected to it being equipped with one way non return valve or the overflow pipe in the rainwater tank is located at least 225mm lower from the inlet pipe to the rainwater tank;
- (c) the SPAH outlet/rainwater tank shall be clearly marked with “**Not for Drinking or Bathing**”;
- (d) gutters used shall have sufficient slope to prevent stagnant water; and
- (e) rainwater pipes shall be green in colour.”.

Dated 12 June 2014  
[PUN.Phg.D/100/28/7]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA BIN  
SYED ABDUL RAHMAN  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA